

**Utusan Malaysia, Malaysia**

18 Dec 2013, by

Business & Finance, page 19 - 73.00 cm<sup>2</sup>Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 228,802  
(MTWTF)

ID 228655677

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

## MSM mahu beli kawasan tebu di luar negara

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Syarikat pengeluar gula terbesar di Malaysia, MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), sedang meninjau kawasan yang sesuai untuk mengusahakan perladangan tebu di luar negara.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, kriteria utama pemilihan kawasan ialah jenis tanah, kadar penghasilan gula yang tinggi serta kos pembelian.

Sejak tahun ini, MSM mengimport 100 peratus gula atau sekitar 960,000 tan gula mentah dari pelbagai negara untuk diproses sebelum dipasarkan.

Mohd. Isa memberi contoh kawasan yang bersesuaian untuk penghasilan gula mentah seperti Brazil, Indonesia dan Myanmar.

"Kalau boleh kami mengutamakan pembelian ladang yang telah diusahakan, bergantung kepada harganya," katanya kepada pemberita selepas majlis pengagihan zakat perniagaan oleh MSM di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Che Mat Che Ali dan Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, Azman Abdul Samat.

Jelas Mohd. Isa lagi, MSM sebelum ini mempunyai ladang tebu di Perlis seluas 4,000 hektar, namun pengeluarannya tidak ekonomik dan telah ditukarkan kepada tanaman getah.